

**NO SOALAN :42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.11.2015**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan pembelian aset dan pelaburan luar negara Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan berkanun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi badan-badan berkanun, sehingga Jun 2015, pelaburan luar negara oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah berjumlah RM667.21 billion. Peratusan pelaburan di luar

negara ini telah meningkat daripada 10 % pada tahun 2010 kepada 23% pada tahun 2014. Peningkatan peratusan ini adalah selaras dengan kelulusan had pendedahan yang diberi oleh Kementerian Kewangan yang kini berada pada tahap 26%. Bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pula, pelaburan luar negara adalah berjumlah RM12.64 billion sehingga Ogos 2015.

Bagi jumlah syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah program transformasi GLC (G20) terdapat lima belas (15) GLC memiliki aset dan operasi di 40 buah negara di seluruh dunia. Pelaburan dan operasi GLC di luar negara banyak terdapat di rantau Asia dan beberapa buah negara di benua Amerika, Eropah, Afrika dan Oseania.

Jumlah pelaburan luar negara terkumpul di bawah G20 untuk tempoh lima tahun dari 2010 hingga 2014 adalah kira-kira RM39.0 bilion. Selari dengan peluasan operasi dan pelaburan GLC ke luar negara, sumbangan hasil pendapatan G20 dari pelaburan di luar negara meningkat daripada 28% pada 2004 kepada 34% pada 2014. Pada tempoh yang sama, kadar aset luar negara G20 telah meningkat daripada 11% pada 2004 kepada

26% pada 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, maklumat ini adalah berdasarkan laporan tahunan berakhir 31 Disember setiap tahun dan program transformasi GLC yang bermula pada 14 Mei 2004 dan telah tamat pada 28 Julai 2015.